



KEPIMPINAN PROFESIONAL KAUNSELOR SEKOLAH: REALITI ATAU MITOS

Sapora Sipon
Universiti Malaysia Sabah

Abstrak

Kaunselor sekolah berperanan besar dalam agenda pendidikan negara. Kaunselor sekolah dilihat sebagai salah satu agen utama dalam melahirkan pelajar-pelajar yang seimbang dan harmonis seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Negara. Perlantikan kaunselor sekolah sepenuh masa oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sudah cukup membuktikan bahawa peranan kaunselor sekolah tidak boleh dipandang ringan sekiranya negara ingin menjadikan Wawasan 2020 satu realiti. Lantaran itu, tahap keprofesionalisma kaunselor sekolah perlu dititikberatkan memandangkan kaunselor sekolah perlu bergerak seiring dengan kemajuan pendidikan dalam arus perkembangan teknologi canggih, perubahan pesat sosio-ekonomi dan berbagai lagi. Kesemua ini menuntut kaunselor sekolah supaya sentiasa memantapkan diri supaya tidak ketinggalan dalam dunia pendidikan. Dalam usaha melahirkan kaunselor yang profesional dan mahir, beberapa perkara perlu diambil kira. Antara lainnya ialah latihan kaunseling yang mantap, sahsiah dan peribadi kaunselor yang unggul. Kertas kerja ini mempunyai objektif yang berbagai. Antaranya ialah melihat komponen utama dalam pembentukan keprofesionalisma kaunselor sekolah. Disamping itu kertas kerja ini juga melihat permasalahan-permasalahan kaunselor sekolah dalam merealisasikan tahap keprofesionalisme yang tinggi. Kertas kerja ini juga mengemukakan beberapa cadangan dalam usaha menrealisasikan kepimpinan profesional kaunselor yang mantap.

Pendahuluan

Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah amat penting dewasa ini dalam era negara kita mengalami banyak perubahan dalam masyarakat. Hasil dari perkembangan, kemajuan dan pembangunan tersebut telah meninggalkan kesan sosio-psikologi yang pelbagai dan kompleks. Dewasa ini, kita sering dikejutkan dengan banyak masalah disiplin yang melanda pelajar sekolah. Masalah sosial seperti lepak, bohsia, seks di luar perkahwinan, HIV/AIDS merupakan masalah yang semakin berleluasa berlaku di kalangan pelajar-pelajar sekolah. Didapati sebanyak 459 sekolah menengah harian diseluruh negara dikenalpasti berisiko tinggi terdedah kepada perlakuan salah laku dan jenayah dikalangan pelajarnya. (Utusan Malaysia, 2000, April 3). Perkhidmatan kaunseling sekolah wujud dalam usaha manusia mencari jalan keluar agar individu menemui kesejahteraan dan celik akal. Kaunselor sekolah mempunyai tanggungjawab berat kerana mereka diperlukan untuk membantu menangani pelbagai masalah yang dihadapi oleh pelajar seperti mengadakan program pembimbing rakan sebaya, pendidikan dan pencegahan dadah. (Utusan Malaysia, 2000, Mac 30). Keperluan kaunselor sekolah dalam usaha membantu pelajar mencapai celik akal dan kesejahteraan hidup diakui. Utusan Malaysia, 2000, April 21 menjelaskan bahawa semua sekolah menengah di seluruh negara akan mempunyai seorang guru kaunseling yang akan berkhidmat sepenuh



masa. Langkah ini adalah memastikan pelajar-pelajar menerima bimbingan yang lebih berkesan. Kaunseling dilihat menjadi semakin penting untuk membimbing masyarakat yang betul memandangkan rakyat terdedah kepada pelbagai isu dan masalah sosial. Dalam negara memerlukan perkhidmatan kaunselor sekolah, beberapa isu telah ditimbulkan mengenai tahap keprofesionalisme kaunselor sekolah. Diantaranya ialah laporan yang mengatakan guru kaunseling yang sering berkongsi masalah pelajar dengan orang lain dan melanggar kod etika kerahsiaan klien (Berita Harian, 1997, 29 Mac), guru agama yang mengaku kaunselor dan merogol anak muridnya di Tampin (Berita Harian, 1997, Julai 10). Terdapat juga laporan yang mengatakan kaunselor sekolah yang dilantik tidak mempunyai kelayakan yang sewajarnya. Isu-isu di atas boleh mengurangkan kredibiliti profesion kaunseling sekolah dan menjejaskan kredibiliti kaunselor sekolah. Banyak juga kajian-kajian yang telah dijalankan yang menunjukkan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling (B&K) masih berada di tahap yang rendah. Kajian-kajian Roslan Said (1978), Mohd Hisa Tahat (1980), Morazuki (1980), Bee Chu (1984), Shiratudin (1982), Devikami Menon (1983), Suradi Salim (1992) jelas menunjukkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling masih jauh perjalanannya dan amat memerlukan kerjasama semua pihak untuk merealisasikan hasrat Kementerian Pendidikan dalam mempertingkatkan perkhidmatan ini semaksima mungkin. Perkhidmatan B&K di sekolah sering menghadapi pelbagai rintangan, bermula dari masalah kekurangan asas, kekurangan peruntukkan kewangan dan kekurangan masa sehinggalah kepada ketiadaan sambutan baik daripada pelajar sendiri. Perlantikan kaunselor sekolah sepenuh masa oleh Kementerian Pendidikan Malaysia merupakan satu usaha murni dalam usaha mempertingkatkan keprofesionalisme kaunselor sekolah. Kertas kerja ini akan melihat keperluan perkhidmatan kaunselor sekolah, permasalahan-permasalahan yang dihadapi oleh kaunselor, dan usaha-usaha yang dijalankan dalam mempertingkatkan profesionalisma kaunselor sekolah. Kertas kerja ini juga akan melihat secara ringkas perlantikan kaunselor sekolah sepenuh masa, peranan kaunselor sekolah, ciri kaunselor sekolah, permasalahan yang dihadapi oleh kaunselor sekolah dan cadangan mempertingkatkan keprofesionalisme kaunselor sekolah.

Perlantikan kaunselor sekolah sepenuh masa

Perlantikan kaunselor sekolah sepenuh masa pada tahun 1996 adalah satu usaha murni Kementerian Pendidikan Malaysia dalam mewujudkan pelajar yang seimbang, berjiwa besar dan waja, berwawasan dan berketrampilan.

Peranan kaunselor sepenuh masa.

Kaunselor sekolah sepenuh masa mempunyai peranan yang telah ditetapkan. Kaunselor sekolah sepenuh masa diperuntukkan tugas dan terdapat lima bidang tugas yang perlu dilaksanakan oleh kaunselor sepenuh masa di sekolah iaitu bidang akademik, kerjaya, psikososial, keibubapaan dan masalah pelajar. Kaunselor sekolah juga perlu melaksanakan kaunseling individu dan kelompok, merancang program-program motivasi, kemahiran belajar, kemahiran mengurus diri, bengkel, seminar, lawatan kerjaya, Pembimbing Rakan Sebaya, kaunseling keibubapaa dan lain-lain aktiviti yang difikirkan sesuai dengan budaya dan kehendak masyarakat sekolah masing-masing.



Keperluan perkhidmatan kaunselor sekolah

Kaunselor sekolah mempunyai peranan penting dalam agenda pendidikan negara. Banyaknya permasalahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar jelas menunjukkan keperluan perkhidmatan kaunselor sekolah. Kaunselor sekolah dikatakan dapat membantu menangani pelbagai masalah yang dihadapi oleh pelajar. Antara keperluan perkhidmatan kaunselor sekolah ialah;

- Membantu perubahan tingkah laku
- Membantu membuat keputusan
- Mempercepatkan seseorang menjadi rasional
- Membantu pelajar berkembang dalam semua bidang
- Membantu pelajar membuat penyesuaian yang paling baik di sekolah dan di luar sekolah
- Membantu pelajar untuk memilih pekerjaan yang sesuai dengan kebolehan mereka
- Membantu pelajar memahami diri mereka dan orang lain.
- Mengenalpasti pelajar yang memerlukan pertolongan khas.
- Mengenalpasti masalah kemerosotan disiplin.
- Pencegahan dadah di sekolah
- Menyebarkan maklumat am yang terkini
- Perkhidmatan Inventori individu

Profesionalisasi kaunseling

Sebelum membicarakan tentang keprofesionalisme kaunselor sekolah, persoalan tentang profesionalisasi kaunseling di Malaysia akan dibicarakan sepintas lalu. Di Malaysia, masih belum terdapat satu badan yang bertindak sebagai pemberi lesen kepada mana-mana kaunselor untuk meluaskan perkhidmatan ini supaya ianya bersifat profesional. Namun begitu, Persatuan Kaunselor Malaysia (PERKAMA) yang telah ditubuhkan pada tahun 1979 telah mengiatkan usaha ke arah perlesenan. Dengan adanya Akta Kaunselor 1998, usaha PERKAMA menjadikan perkhidmatan kaunseling di Malaysia sebagai satu profesion akan tercapai.

Nugent (1981) menjelaskan sebelum perkhidmatan kaunseling boleh diiktiraf sebagai bertaraf profesional, beberapa kriteria perlu dipenuhi. Antaranya ialah bidang ini adalah satu perkhidmatan sosial dan satu bidang yang unik dan dijalankan oleh kaunselor yang berkelayakan. Satu garis panduan mengenai bidang ini perlu jelas supaya ia tidak dicampuradukkan dengan bidang-bidang lain. Yang lebih utama, orang-orang yang tidak mempunyai kelayakan dalam bidang ini tidak boleh sewenang-wenangnya mengaku bahawa mereka adalah kaunselor.

Kriteria kedua ialah standard minimum perlu ditetapkan dalam pemilihan dan latihan kaunselor-kaunselor pelatih. Kaunselor yang sudah mempunyai kelayakan dalam bidang kaunseling pula perlu sentiasa mempertingkatkan perkembangan profesionalime mereka. Tujuannya adalah supaya mereka akan terus dapat melaksanakan tugas dengan baik. Kaunselor juga perlu sentiasa bersedia untuk melakukan kaunseling. Perkhidmatan kaunselor tidak akan mencapai taraf profesional sekiranya kaunselor tidak bersandar



kepada kod-kod etika yang ada yang bertujuan mengawal tingkah laku ahli-ahlinya.

Kemasukan ke dalam keahlian keprofesionalisme kaunseling memerlukan masa dan latihan yang khusus. Selain daripada itu, sepanjang kerjayanya, ahli dalam profesion tersebut akan sentiasa mengambil langkah yang positif untuk mempertingkatkan kemahirannya dengan teknik, penyelidikan dan penyertaan ahli-ahlinya. Masyarakat juga telah memberi kepercayaan kepada ahli-ahli yang berkelayakan untuk memasuki perkhidmatan ini. Bidang ini juga dapat dibezakan dari segi perkhidmatannya.

Merujuk kepada perkhidmatan kaunseling di Malaysia, beberapa persoalan timbul yang boleh dikaitkan dengan isu perlesenan dan kaunseling sebagai satu profesion. Jelas, dalam usia yang masih muda, perkhidmatan kaunseling di Malaysia masih belum memenuhi banyak lagi tuntutan-tuntutan kearah keprofesionalisme dan perlesenan. Abdul Halim Othman (1993) menjelaskan salah satu perkara utama yang perlu dilakukan sekiranya perkhidmatan kaunseling ingin dilaksanakan dengan jayanya ialah dengan sentiasa membuat penilaian dan penyelidikan terhadap program-program penyediaan kaunselor. Isu-isu semasa yang berkaitan dengan kaunselor dan pendidikan kaunselor perlu dibincangkan.

Berbalik kepada latihan kaunseling sekolah di Malaysia, ia menunjukkan masih belum terdapat satu latihan yang sepunya. Setiap institusi yang menyediakan latihan kaunseling pendidikan mempunyai kaedah atau model tersendiri. Universiti-universiti yang menawarkan program latihan kaunseling pendidikan seperti Universiti Putra Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah masih lagi belum bersatu hati dalam menyediakan satu latihan yang sepunya.

Isu seterusnya ialah latihan praktikum penyediaan kaunselor sekolah yang masih lagi tidak seragam. Sesetengah pendapat mengatakan pelatih kaunselor tidak memerlukan persiapan yang mantap dari segi akademik sebelum mereka boleh diiktiraf sebagai kaunselor yang layak melaksanakan perkhidmatan kaunseling. Pendapat ini mengatakan bahawa guru sekolah sudah mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam bidang-bidang pendidikan seperti mengajar. Oleh itu, terdapat kaunselor sekolah yang dihantar mengikuti sesuatu kursus latihan dalam bidang kaunseling hanya dalam jangka masa 3 atau 4 bulan. Selepas itu guru tersebut telah diiktiraf sebagai orang yang layak melaksanakan kaunseling.

Latihan penyediaan kaunselor sekolah yang berbeza-beza dari satu institusi dengan institusi lain di negara ini juga merupakan isu kepada pengiktirafan profesion kaunselor sekolah. Perbezaan dari segi kurikulum pengajaran, tempoh masa pengajian, jenis latihan praktikum, syarat pemilihan calon dan syarat kelayakan masuk oleh setiap institusi latihan menunjukkan tidak berlakunya satu bentuk latihan yang baku. Mungkin ini wujud disebabkan kaunseling belum mencapai status profesion di Malaysia seperti mana yang berlaku di negara-negara Barat. Tiada satu pun badan di Malaysia yang cukup kuat untuk mewakili badan-badan kaunseling di Malaysia untuk memberi pengiktirafan di Malaysia.



Sejauhmanakah kaunseling sekolah di Malaysia mengeneipkan teori-teori yang ada? Kegagalan kaunselor sekolah untuk mendalami pengetahuan mengenai teori-teori kaunseling menunjukkan kelemahan kaunselor itu sendiri. Kaunseling tanpa teori boleh diibaratkan sebagai seorang pengembara melalui hutan tebal tanpa bantuan kompas. Walaupun teori-teori yang ada mungkin memerlukan pengubahsuaian dalam konteks budaya tempatan, pengaplikasi teori dalam kaunseling dalam setting sekolah adalah penting. Lantaran itu, usaha mengembang teori dalam konteks pendidikan di Malaysia adalah satu agenda yang penting untuk dekad akan datang.

Isu seterusnya yang perlu dibincangkan dalam mempertingkatkan tahap keprofesionalisme kaunselor sekolah ialah berkaitan dengan penyelidikan. Penyelidikan telah lama dikenali sebagai satu daripada fungsi yang perlu dilaksanakan oleh kaunselor sekolah. Diantara tujuan penyelidikan dan penilaian dalam kaunseling sekolah ialah untuk mendapatkan maklumat yang penting. Kejayaan sesuatu program sekolah harus berdasar kepada penggunaan maklumat. Jangkaan atau pandangan subjektif kaunselor sekolah boleh diterima, tetapi tidaklah boleh dijadikan asas utama untuk merangka program atau aktiviti. Data berbentuk objektif adalah diperlukan untuk memulakan sesuatu perancangan yang boleh membawa kepada kejayaan sesuatu program sekolah.

Mempertingkatkan tahap keprofesionalisma kaunselor sekolah

Dalam usaha mempertingkatkan keprofesionalisma kaunselor sekolah, beberapa perkara perlu diambil kira. Antara lainnya ialah peribadi kaunselor tersebut, falsafah yang dianuti, perancangan program bimbingan dan kaunseling, pelaksanaan bimbingan dan kaunseling, pembentukan objektif bimbingan dan kaunseling yang mantap.

Ciri-ciri kaunselor sekolah yang mantap

Kaunselor sekolah yang profesional wajar mempunyai personaliti yang cemerlang dari segi perwatakan, berpakaian dan tuturkata. Kaunselor sekolah hendaklah sentiasa mempunyai hubungan yang baik dengan pihak Pengetua, Penolong Kanan 1, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Penyelia Petang, Guru Disiplin dan semua masyarakat, guru serta bukan guru di sekolah. Kaunselor sekolah hendaklah seorang yang mempunyai hubungan yang luas di sekolah kerana kebanyakan aktiviti sekolah memerlukan kerjasama dengan agensi luar seperti jabatan-jabatan kerajaan, kolej-kolej swasta, Institut Pengajian Tinggi dan pemimpin masyarakat setempat.

Kaunselor sekolah juga menjadi rujukan guru-guru, ibubapa dan lain-lain agensi yang memerlukan perkhidmatan kaunselor dari semasa ke semasa. Kaunselor perlu menimba pengalaman di luar kawasan sekolah. Seorang kaunselor yang profesional ialah seorang yang berilmu, sentiasa mempelajari, mempraktikkan, proaktif, berfikiran positif, kreatif, berwawasan jauh ke hadapan, berkebolehan sosial, mempunyai jati diri yang tinggi, sentiasa bermotivasi dan senyum selalu.

Kaunselor sekolah juga perlu yakin bahawa proses pendidikan seharusnya menjadi pegangan mereka. Mereka perlu percaya bahawa tujuan dan matlamat pendidikan dan keperluan bersatu untuk mencapai cita-cita tersebut. Kaunselor sekolah juga percaya



bahawa perkhidmatan bimbingan adalah salah satu aktiviti pendidikan yang bersifat tidak langsung dalam mempengaruhi pelajar.

Kaunselor sekolah perlu mempunyai sifat menerima pandangan yang berbeza. Pegangan ini melambangkan asas hubungan dalam bimbingan dan kaunseling. Personaliti bimbingan perlu dapat mencerminkan sifat baik hati, ramah, ikhlas tidak prasangka terhadap pandangan dan pemikiran yang berbeza kerana perkhidmatan ini sering dinilai dari kualiti personaliti yang menjalankannya. Amla Haji Mohd Saleh (1996) percaya terdapat tiga ciri pokok yang boleh menjadi panduan asas kaunselor iaitu:

1. sifat rendah diri bila berhadapan dengan sesuatu fenomena atau keadaan yang tidak diketahui.
2. pengasih - sentiasa berusaha mengembangkan perasaan kasih sayang sesama manusia dan Tuhan.
3. Sifat cekal yang tidak mudah mengalah dan putus asa.

Kaunselor sekolah juga perlu saling mempercayai dan hormat dikalangan kakitangan. Sikap percaya dan hormat pada kakitangan yang lalu adalah penting bagi menjayakan program bimbingan. Keinginan untuk memajukan diri pada tahap personal dan profesional adalah penting bagi perkhidmatan pendidikan untuk pelajar.

Kaunselor sekolah perlu percaya bahawa tujuan dan matlamat pendidikan dan keperluan bersatu untuk mencapai cita-cita tersebut. Kaunselor sekolah juga percaya bahawa perkhidmatan bimbingan adalah salah satu aktiviti pendidikan yang bersifat tidak langsung dalam mempengaruhi pelajar.

Cadangan

Dalam usaha kaunselor sekolah menuju ke tahap profesionalisma, beberapa langkah perlu dilaksanakan. Diantaranya ialah:

- Pendidikan kaunselor sekolah sepatutnya dirangka dengan baik supaya dapat memenuhi objektif yang telah ditetapkan berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara yang boleh menggambarkan tahap profesionalisme kaunselor sekolah yang tinggi.
- Kurikulum pendidikan kaunselor perlulah sepunya antara institusi yang melatih bakal-bakal kaunselor sekolah.
- Perlunya ada peluang-peluang untuk pendidikan berterusan untuk kaunselor sekolah mempraktis kemahiran dan menambahkan ilmu.
- Kemasukan bakal pelatih kaunselor sekolah dalam program penyediaan kaunselor mestilah berdasarkan bukti-bukti bahawa calon tersebut mempunyai minat dan kebolehan dalam kaunseling.
- Sepanjang program persediaan kaunselor, kemajuan calon perlulah dimantau. Perkembangan calon adalah berdasarkan perkembangan yang memuaskan.
- Tenaga pengajar perlu mempunyai pengalaman dalam menjalankan praktikum. Mereka perlu mempunyai masa yang mencukupi dalam melaksanakan tanggungjawab profesional mereka. Ini termasuk mempunyai masa yang mencukupi untuk penyeliaan



yang teliti bagi penilaian bagi setiap calon.

- Latihan praktikum perlu dilakukan dimana terdapatnya penyelia lapangan yang terlatih.
- Kaunselor sekolah perlu menguasai teknik-teknik mentadbir ujian. Kaunselor sekolah perlu menguasai sekurang-kurangnya dua teknik mentadbir ujian. Ujian-ujian penting seperti ujian personaliti dan kerjaya adalah diantara ujian yang perlu dikuasai dengan mahir oleh pelatih kaunseling.

Permasalahan kaunselor sekolah

Setelah lebih 30 tahun perkhidmatan B&K berjalan, ia masih belum mampu dilaksanakan dengan berkesan. Kajian-kajian Roslan Said (1978), Mohd Hisa Tahat (1980), Suradi Salim (1992) jelas menunjukkan perkhidmatan kaunseling masih berada ditahap yang rendah. Kajian Awang Mat Ali (1978) mendapati bahawa ramai lagi pelajar yang masih tidak tahu apakah peranan kaunseling sebenar dan mereka menganggap perkhidmatan tersebut tidak berfaedah atau tidak memberikan manfaat apa-apa pun. Menon (1983) mendapati pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah menghadapi pelbagai rintangan, bermula dari masalah kekurangan tenaga terlatih dalam bidang bimbingan dan kaunseling, masalah kekurangan asas, kekurangan peruntukan kewangan dan kekurangan masa sehinggalah kepada ketiadaan sambutan baik daripada pelajar sendiri. Berikut ialah antara permasalahan yang dihadapi oleh kaunselor sekolah.

Jangkaan dan harapan terhadap kaunselor

Salah satu sebab mengapa timbulnya konflik kepada kaunselor sekolah ialah kerana anggapan masyarakat umum yang mempunyai jangkaan/harapan yang terlalu tinggi terhadap kaunselor. Kaunselor sekolah yang tidak mempunyai langsung atau hanya mempunyai sedikit latar belakang pendidikan dalam bidang kaunseling merasa gerun sekiranya tidak dapat memenuhi jangkaan/harapan ini.

Arbuckle (1992) menjelaskan kekeliruan terhadap perkhidmatan kaunseling boleh berlaku apabila terlalu banyak pihak yang ingin melibatkan diri dalam bidang ini. Memang tidak dapat dinafikan bahawa keterlibatan sesetengah pihak dalam bidang ini memang menguntungkan kaunselor. Namun, keterlibatan pihak-pihak yang tidak profesional dan sering tidak berlaku adil terhadap kaunselor sekolah boleh menjejaskan dan melemahkan prestasi kaunselor sekolah. Seringkali kaunselor hanya menerima kritikan dan komen-komen bukannya cadangan maupun saranan yang dapat mempertingkatkan perkhidmatan kaunseling. Kritikan-kritikan yang membina merupakan satu cara kaunselor dapat memperbaiki dirinya, tetapi ia jarang berlaku.

Pegawai-pegawai yang ditugaskan mengendalikan perkhidmatan kaunseling samada di peringkat jabatan atau Kementerian datang dari latarbelakang yang berbeza. Adalah sesuatu yang cukup baik sekiranya pegawai yang dilantik oleh Jabatan Pendidikan mempunyai kemahiran, berdedikasi dan memahami tugas kaunseling. Masalah timbul apabila pegawai yang dilantik oleh pihak Jabatan hanya bermatlamat "mengarah" kaunselor sekolah tanpa memahami dunia perkhidmatan kaunseling.



Institusi yang melatih kaunselor juga berbeza. Terdapat institusi yang menawarkan perkhidmatan yang bermutu manakala ada institusi yang tidak mempunyai pensyarah dan kemudahan yang mencukupi. Ini sendiri akan memberi kesan kepada mutu kaunselor yang akan dikeluarkan kelak.

Kaunselor di sekolah mewakili kumpulan yang berbagai. Ada yang langsung tidak mempunyai latar belakang yang langsung dengan bidang kaunseling manakala terdapat kaunseling yang memang mahir dalam mengendalikan perkhidmatan ini. Mungkin bilangan kaunselor yang tidak terlatih adalah lebih besar jumlahnya dari yang terlatih dan ini secara langsung memberi kesan kepada perkhidmatan B&K di sekolah.

Timbul persoalan samada kaunselor sekolah berfungsi sebagai "school person" atau kaunselor yang berorientasi terapan. Jelaslah, terdapat kaunselor yang merasakan bahawa tugasnya ialah memberi kaunseling kepada pelajar berdasarkan teori-teori kaunseling yang telah dipelajari di sekolah. Disatu pihak yang lain, terdapat kaunselor yang hanya menjalankan tugas-tugas bimbingan tanpa menjalankan tugas memberi kaunseling kepada pelajar.

Cara kaunselor melaksanakan tugasnya di sekolah juga boleh menimbulkan kekeliruan. Adakah kaunselor akan mengendalikan kes disiplin sepertimana seorang guru disiplin melakukannya. Begitu juga, dalam mengendalikan masalah akademik pelajar, adakah kaunselor akan berfungsi sebagai seorang guru mata pelajaran? Jelasnya, peranan kaunselor, guru, pengetua, guru disiplin tidak boleh dikatakan sama walaupun mereka berfungsi dalam satu institusi.

Tiada latihan formal

Ketiadaan latihan formal boleh menyebabkan perkhidmatan kaunseling yang dijalankan tidak mengikut prosedur yang sewajarnya dan mungkin juga salah kerana rata-rata guru UBK yang dilantik belum mendapat pendedahan tentang prosedur kaunseling yang sebenarnya. Masalah ini berpunca dari ketiadaan tenaga mahir yang cukup, tidak jelas bagaimana mengendalikan B&K dan tidak berpeluang untuk berbincang dengan guru-guru bimbingan yang lain. Suradi, (1992) lantas mencadangkan tugas memberi perkhidmatan B&K diberikan kepada orang yang betul-betul berkelayakan. Pendapat beliau dipersetujui oleh Zulkifli Yusof (1990) yang mengatakan kaunseling di sekolah perlu dijalankan oleh guru bimbingan yang terlatih. Dalam kajian Shiratuddin (1982) terhadap jumlah kaunselor terlatih, hanya seorang daripada 15 orang kaunselor yang mendapat latihan yang mencukupi iaitu selama setahun.

Kesamaran/ketidakhahaman garis panduan

Terdapat kaunselor yang tidak mempunyai garis panduan yang jelas tentang cara-cara menjalankan aktiviti-aktiviti yang dianggap sesuai, tambahan pula mereka kurang berpengalaman dan terpaksa berfikir atau memerah otak untuk merangka sendiri aktiviti-aktiviti yang dirasakan sesuai. Hoffman (1959) menjelaskan peranan kaunselor terlalu berbagai dan sukar untuk dilaksanakan kerana kepelbagaiannya itu.



Kesuntukan masa dan bebanan tugas mengajar

Kaunselor sekolah sukar untuk menjalankan tugas kerana kebanyakan guru UBK diberikan diantara waktu mengajar termasuk ketua unit B&K. Rasional mereka diminta mengajar adalah wajar kerana pihak sekolah amat memerlukan perkhidmatan mereka untuk mengajar. Rasanya, pihak pentadbir sekolah tidak mempunyai pilihan selain daripada meminta jasa baik kaunselor untuk mengajar kerana kepentingan pelajar sememangnya tidak boleh diabaikan. Bagaimanapun, ini boleh mendatangkan tekanan kepada kaunselor kerana adalah sukar untuk membayangkan bagaimana kaunselor mempunyai masa untuk menjalankan perkhidmatan B&K yang mantap jika mereka sibuk dengan tugas-tugas lain. Kajian MAGOVA (1987) yang menjalankan kajian ke atas 51 buah sekolah di Selangor dan Pahang mendapati salah satu diantara empat sebab utama perkhidmatan B&K kurang berkesan ialah kekurangan masa bagi guru bimbingan untuk menjalankan tugas-tugas bimbingan. Kajian Suradi (1992) juga mendapati kebanyakan dari guru bimbingan dan kaunseling melakukan tanggungjawab lain selain daripada menjalankan tanggungjawab sebagai guru bimbingan. Berdasarkan tinjauan ini, terdapat kaunselor yang terlibat sebagai guru penasihat kelab, guru sukan dan sebagainya.

Masalah kekurangan peruntukan

Perlaksanaan program B&K tergendala kerana sumber kewangan yang terhad. Kaunselor sering menghadapi masalah dimana banyak aktiviti-aktiviti yang tidak dapat dilaksanakan kerana masalah kewangan. Masalah lain yang timbul ialah kaunselor juga kadangkala terpaksa menggunakan wang sendiri untuk program-program yang dijalankan.

Kekurangan kemudahan

Kekurangan kemudahan merupakan satu masalah yang sering dikaitkan dengan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Kajian Roslan Said (1978) yang dijalankan ke atas 10 buah sekolah di Wilayah Persekutuan mendapati ketiadaan bilik khas adalah diantara masalah yang telah membantutkan pelaksanaan perkhidmatan kaunseling. Dalam kajian yang dilakukan, terdapat kaunselor yang menggunakan sebuah bilik yang banyak penggunaannya. Terdapat sekolah memperuntukkan bilik yang asalnya digunakan sebagai tempat pelajar bersembahyang. Suasana bilik yang agak bising kerana berdekatan dengan jalanraya besar. Bunyi-bunyi bising kenderaan lalu lintas mengganggu sesi kaunseling. Keadaan ruang bilik yang kecil menyebabkan kaunseling terpaksa dijalankan dalam keadaan yang panas dan kurang selesa. Kajian Shiratuddin (1982) ke atas 15 buah sekolah mendapati 70% sahaja yang menyediakan bilik khas untuk perkhidmatan kaunseling. Kajiannya mendapati selebihnya 30% berkongsi bilik dan ada yang tidak disediakan bilik langsung.

Kekurangan sokongan

Sesetengah guru banyak menyerahkan pelajar yang bermasalah dalam akademik kepada kaunselor sehinggalah kaunselor sendiri tidak mampu menangani semua masalah pelajar-pelajar yang lemah dalam akademik. Kaunselor juga sukar melaksanakan tugasnya kerana terdapat sesetengah guru yang tidak membenarkan pelajar-pelajar berjumpa dengan kaunselor semasa dia mengajar. Rasionalnya ialah dia tidak mahu pelajar-pelajar ketinggalan kelas. Memang wajar tindakan guru tersebut tetapi dari sudut lain pula, apabila seorang pelajar



menghadapi masalah, sukar baginya untuk mengikuti pelajaran. Kaunselor mungkin berpendapat bahawa adalah lebih baik sekiranya pelajar tersebut berjumpa dengan kaunselor dahulu. Konflik sering timbul disini dimana keutamaan terhadap prestasi akademik mengatasi perkara-perkara lain. Mohd Hisa Tahat mendapati ramai guru-guru termasuklah guru besar tidak dapat memahami konsep bimbingan dan kaunseling. Ini menyebabkan perkhidmatan B&K cuma disebut sebagai ada dijalankan tetapi pada hakikatnya tidak dijalankan dengan baik kerana pihak sekolah lebih melihat kepada prestasi dibidang akademik lebih diutamakan. Morazuki (1980) memberi pendapat yang serupa dimana beliau merumuskan bahawa perkhidmatan B&K dijalankan dengan tidak bersungguh-sungguh. Diantara sebab yang diberikan ialah tidak adanya hubungan baik antara pelajar, guru dan pentadbir sekolah. Guru-guru juga kurang yakin diatas kemampuan guru kaunseling kerana beliau bukan ada kemahiran yang khusus dalam bidang berkenaan.

Kurang kefahaman dan sokongan tentang perkhidmatan bimbingan dan kaunseling

Warga sekolah termasuklah guru-guru, kakitangan sekolah, para pelajar kurang faham tentang kepentingan peranan unit B&K. Grant (1954) berpendapat bahawa pihak pentadbir sekolah mendapati kaunselor sekolah tidak mahir mengendalikan masalah yang melibatkan pelajar. Vasallo dan Kindred (1957) pula melihat kaunselor lebih sebagai kerani dari sebagai pihak pentadbir. Ketidakfahaman akan peranan kaunselor menyebabkan ramai pentadbir mahukan kaunselor terlibat dalam hal-hal pentadbiran dan perancangan seperti merancang kurikulum, kehadiran pelajar, disiplin, guru ganti dan sebagainya.

Amir Awang (dalam Suradi Salim, 1992) dalam makalahnya yang berjudul "Perkhidmatan Bimbingan masih belum difahami betul" yang disiarkan dalam Berita Harian pada 18 Februari 1983 menyatakan bahawa walaupun perkhidmatan B&K telah 18 tahun diperkenalkan, tetapi perjalanannya agak lembab kerana ada orang yang menganggap khidmat ini hanya diperlukan untuk mereka yang bermasalah atau sakit otak. Ini adalah merupakan satu punca mengapa murid-murid tidak mahu berjumpa kaunselor kerana bimbang dicap sebagai nakal. Darley (1956) pula melihat kaunselor sekolah sebagai pentadbir. Zulkifli Yusof (1990) menjelaskan penuntut masih belum lagi memahami sepenuhnya peranan guru bimbingan di sekolah, kakitangan sekolah mempunyai persepsi yang kurang tepat terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Ramai yang masih menganggap kaunseling dianggap sebagai satu cara untuk menyelesaikan masalah dan guru bimbingan dilihat kurang berperanan dalam menimbulkan kesedaran dikalangan penuntut dan kakitangan tentang pentingnya perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Ramai yang masih menganggap kaunseling sebagai satu cara penyelesaian masalah dan guru bimbingan dilihat kurang berperanan dalam menimbulkan kesedaran dikalangan penuntut dan kakitangan sekolah tentang pentingnya perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah.

Pihak sekolah, khususnya unit B&K sendiri kurang mendapat maklumat atau isu semasa dari mana-mana pihak khususnya mengenai kerjaya atau sebagainya. Para pelajar belum



memahami sepenuhnya rasional penubuhan unit ini. Ini menyebabkan peratus pelajar yang datang untuk mendapatkan perkhidmatan ini adalah terlalu rendah.

Sifat negatif kaunselor

Ada kaunselor yang tidak gembira dengan tugasnya. Mereka menganggap bahawa mereka tiada pilihan lain kecuali menjadi kaunselor sepenuh masa kerana dipilih oleh pihak Jabatan Pendidikan. Kaunselor yang merasa tidak gembira dengan tugas mereka berkemungkinan besar akan menggunakan berbagai alasan untuk tidak menjalankan aktiviti-aktiviti B&K. Diantaranya ialah dengan memberi alasan mempunyai bilangan waktu mengajar yang banyak. Aminah (1987) berpendapat bahawa kejayaan guru bimbingan dan sekolah tidak begitu sepenuhnya bergantung kepada bilangan waktu mengajar. Walaupun tidak dapat dinafikan, kaunselor yang tidak mengajar langsung mempunyai lebih peluang untuk menjalankan aktiviti-aktiviti bimbingan dan kaunseling, ini tidak bermakna kaunselor yang diberi tugas mengajar tidak dapat melaksanakan berbagai aktiviti B&K. Keupayaan melaksanakan berbagai aktiviti juga bergantung kepada sikap dan kemahiran kaunselor. Dalam kajian Aminah (1987), ada guru yang diberi 30 waktu mengajar, tetapi masih berupaya melaksanakan aktiviti sebagaimana sepatutnya disebalik beberapa masalah yang dihadapi. Seterusnya beliau berpendapat bahawa kerjaya seseorang guru bimbingan bergantung kepada dua faktor iaitu pertama pengiktirafan daripada pihak atasan dan ahli-ahli dalam organisasi sekolah dan kedua ialah sikap guru bimbingan itu sendiri. Bagaimanapun, ini bukan satu alasan yang kuat untuk guru bimbingan diberi aktiviti lain yang tiada kaitannya dengan bimbingan. Kecenderungan guru bimbingan untuk menerima apa sahaja bentuk tugas yang diberikan kepadanya dengan tujuan supaya ahli organisasi sekolah memberi pengiktirafan kepadanya sebagai guru bimbingan perlu dikaji semula. Hendaknya kaunselor tidak akan hilang identiti peribadi.

Cadangan mempertingkatkan perkhidmatan kaunselor sekolah

Berbagai cadangan dan saranan telah diberikan oleh pengetua, pelajar, guru-guru dan juga kaunselor untuk memantapkan perkhidmatan B&K di sekolah.

Pengetua

Kebanyakan pengetua amat mengharapkan Jabatan Pendidikan Negeri akan dapat menghantar guru bimbingan dan kaunseling sepenuh masa pada masa yang terdekat agar unit B&K dapat berfungsi seperti yang diharapkan. Ramai daripada pengetua mendapati kaunselor telah menjalankan tugas-tugas mereka walaupun masih banyak lagi yang boleh dipertingkatkan. Pihak pengetua juga mengharapkan agar semua guru di sekolah diberikan pendedahan mengenai perkhidmatan B&K terutama sekali mengenai fungsi dan matlamatnya. Harapan ini selari dengan kajian Suradi (1992) yang menyarankan agar perkhidmatan B&K diberi promosi yang lebih meluas dan perlu dipikul oleh semua.

Kaunselor

Kaunselor sekolah juga perlu memainkan peranan penting dalam usaha memberi perkhidmatan yang mantap. Antara usaha yang boleh dilaksanakan dalam mengatasi



beberapa permasalahan yang timbul ialah:

- mengadakan hubungan yang lebih erat dengan ibu bapa atau penjaga pelajar dengan tujuan untuk bekerjasama dan berbincang mengenai perkembangan dan kemajuan para pelajar. menerangkan program bimbingan sekolah kepada ibu bapa dan penjaga serta membiasakan mereka dengan khidmat bimbingan yang disediakan.
- melibatkan ibu bapa dan penjaga dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh kakitangan program bimbingan di sekolah.
- bekerjasama dengan semua ahli kakitangan akademik sekolah dengan menyediakan maklumat tertentu untuk penerangan dan rujukan seperti mengadakan perbincangan yang boleh membantu guru-guru supaya lebih memahami lagi sikap dan sifat-sifat individu para pelajar.
- bekerjasama dengan pihak pentadbir dan guru untuk mendapatkan cara-cara yang baik supaya para pelajar diberi perhatian dalam pembelajaran.
- menggunakan kaedah-kaedah teknologi moden untuk menyebarkan maklumat maklumat pelajaran dan kerjaya.
- membantu para pelajar merancang program latihan pelajar dan kerjaya selaras dengan kehendak sekolah.
- sentiasa berusaha menambah kecekapannya dan sentiasa menyedari pembaharuan yang berlaku sama ada di dalam ataupun di luar sekolah.
- sentiasa berusaha memajukan profesion kaunseling dengan membuat atau membantu penyelidikan yang berkaitan dan mengambil bahagian dalam aktiviti anjuran Persatuan Kaunseling, sama ada diperingkat daerah, negeri atau kebangsaan.
- berbincang dengan rakan-rakan sekerja yang lain seperti pengetua, penolong kanan dan guru-guru mengenai langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengukuh dan meningkatkan lagi taraf dan syarat profesion kaunseling.
- berusaha meninggikan imej kaunselor dan pakar-pakar rujuk yang lain apabila berhubung dengan para pelajar, ibu bapa dan masyarakat.
- memperbanyakkan risalah-risalah di Unit B&K.
- mengadakan promosi atau iklan (reachout) dari masa ke semasa
- memberi perkhidmatan kaunseling individu dan kaunseling kelompok sekerap yang mungkin.



- menyediakan kotak-kotak cadangan dan kotak borang perkhidmatan kaunseling di luar bilik unit bimbingan dan kaunseling.
- Fungsi kaunselor perlu diterima sebagai berbeza dengan personel lain di sekolah, bukan sebagai guru disiplin maupun guru mata pelajaran.
- Keperluan pelajar merupakan tugas utama kaunselor dan juga pihak pentadbir dan guru-guru. Oleh itu semua yang terlibat dalam pendidikan perlu mempunyai sikap menyayangi pelajar dan orang yang boleh bekerja dengan pelajar.
- Segala persoalan dan komen mengenai perkhidmatan bimbingan dan kaunseling perlu berlandaskan kepada fakta bukannya hanya setakat sentimen. Bukti perlu ada dalam menuduh kaunselor. Kebijaksanaan perlu dilaksanakan dalam menangani isu kaunselor.
- Perlu ada persetujuan apakah sebenarnya tugas kaunselor. Tugas kaunselor tidak perlu terlalu berbagai sehinggakan kaunselor tidak tahu apa yang harus dilakukan. Persetujuan asas tentang bidang tugas perlu ditekankan daripada pihak-pihak yang terlibat. Bukannya, hanya menuduh kaunselor tidak tahu melakukan kerja dan kaunselor juga perlu tahu apakah tugas yang patut dilakukannya.

Penutup

Perkhidmatan B&K merupakan satu perkhidmatan yang penting di sekolah. Walau bagaimanapun, perkhidmatan ini memerlukan perhatian dan usaha yang bersungguh dari pihak pentadbir sekolah dan pihak Kementerian Pendidikan terutamanya dari segi peruntukkan kewangan. Surat-surat pekeliling dan buku-buku panduan sahaja tidak mencukupi tanpa usaha yang bersungguh-sungguh.

Untuk mewujudkan perkhidmatan B&K yang berkesan di sekolah, masalah yang dihadapi oleh kaunselor perlu diatasi. Kebanyakan pengetua kurang memahami konsep dan matlamat kaunseling sebenar. Jika keadaan ini masih lagi berlaku, kaunselor akan menghadapi masalah dalam menjalankan tugas di sekolah. Oleh itu, kaunselor harus menyebarkan sikap positif terhadap perkhidmatan B&K di sekolah. Pemilihan kaunselor amat penting. Pentadbir tidak boleh melantik orang sembarangan untuk menjadi kaunselor. Sifat-sifat diri, pengalaman dan kelayakan perlu diberi perhatian. Melantik mereka yang tidak layak dan tidak berminat mungkin akan memberi kesan negatif kepada kaunseling itu sendiri.

Perkhidmatan kaunselor sekolah sepenuh masa di Malaysia masih lagi ditahap yang baru. Perlaksanaannya memerlukan kerjasama dari semua pihak untuk menjayakannya. Peranan kaunselor adalah amat penting. Kaunselor perlu tahu apakah sebenarnya tugas yang perlu dilakukannya. Kaunselor tidak boleh keliru dan ragu tentang bidang tugasnya. Pihak-pihak yang terlibat dalam bidang perkhidmatan B&K perlu cekap. Pegawai yang bertanggungjawab menyelaras perkhidmatan B&K perlu cekap dan memahami situasi sebenar perkhidmatan B&K. Kualiti kaunselor perlu dititikberatkan dalam menjalankan



perkhidmatan ini. Semoga perkhidmatan B&K di sekolah tidak lagi menjadi igauan sebaliknya menjadi realiti.

Rujukan

Abdul Halim Othman (1984). Penyelidikan kaunseling dan bimbingan di Malaysia: Satu penerokaan di sebuah institusi pengajian tinggi. *PERKAMA*. (1):122-139.

Abdul Halim Othman (1986). Beberapa isu mengenai teori-teori kaunseling Barat dan implikasinya terhadap praktik kaunseling di Malaysia. *Majalah Psikologi*. (6): 21-34.

Abdul Halim Othman & Sharifah Bee Aboo Bakar (1993). Guidance, counselling and counselor education in Malaysia, in Abdul Halim Othman & Amir Awang (eds.). *Counselling in the Asia Pacific region*. Greenwood Press.

Arbuckle, D.S. (1962). The conflicting functions of the school counselor. *Counselor: education supervision*. 54-59

Berita Harian, 1997, 29 Mac

Berita Harian, 1997, Julai 10

Good, C.V. (1954). *Dictionary of education*. New York: McGraw Hill.

Kim, U. & Berry, J.W. (eds.). *Indigenous psychologists, research and experience in cultural context*. Newbury Park: Sage Publication.

Mohd. Hisa Tahat. (1980). Perkhidmatan kaunseling dan status kaunselor. Kertas projek Diploma Kaunseling Universiti Kebangsaan Malaysia.

Roslan Said. (1977). Rancangan bimbingan kerjaya: Interaksi di antara peringkat Kementerian Pelajaran dan peringkat sekolah-sekolah. Tesis Sarjana Muda Sastera, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Suradi Salim. (1992). The need for a more effective guidance programme for Malaysia youth. Y.C. Simhadri (ed.). *Peace Global Youth and Development: The role of science and technology in modern society*. Delhi, India : Ajanta Books International. (210-521)

Menon, D. (1983). Problem of guidance teachers in implementing the guidance programme in secondary schools in the Federal Territory. Tesis Sarjana Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (tidak diterbitkan).



Morazuki Hashim. (1980). Menilai keperluan-keperluan dalam perkhidmatan bimbingan dan memilih prioritinya. Kajian kes di sebuah sekolah menengah luar bandar di Selangor. Projek Diploma Kaunseling (tidak diterbitkan), Jabatan Psikologi, UKM, Bangi.

Mohd. Mansur Abdullah & S. Nordinar Mohd Tamin. (1996). *Proses kaunseling*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nugent, F. A. (1981). Asian theories of personality dalam R. Corsini (ed.) *Contemporary theories of personality*. Itasca. ILL: Peacock.

Pederson, P. (1984). Final report by the External Examiner to the Vice-Chancellor of Universiti Kebangsaan Malaysia.

Utusan Malaysia, 2000, April 3

Utusan Malaysia, 2000, Mac 30

Utusan Malaysia, 2000, April 21